

**TEKS UCAPAN PENUTUP
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**7 JANUARI 2024 (AHAD)
11.30 PAGI**

MITC HOTEL, AYER KEROH, MELAKA

Bismillahhirrahmannirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Salam Malaysia Madani, Salam
Perpaduan dan Salam Koperasi

(Salutasi Sekretariat)

1. Alhamdulillah, setinggi rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya kita semua dapat berkumpul pada hari ini bagi penutup Taklimat Transformasi dan Penstrukturan ANGKASA Negeri

Sembilan. Rasanya masih belum terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baharu kepada semua.

2. Pertama sekali, syabas dan tahniah kepada pihak jawatankuasa serta sekrateriat yang telah mengatur program ini. Semoga input yang telah

dibincangkan akan membawa anjakan baharu bukan sahaja kepada ANGKASA, malah gerakan koperasi seterusnya menjadi penyumbang kepada ekonomi negara sekaligus memperbaiki taraf kehidupan rakyat di negara ini.

**Hadirin hadirat yang saya hormati
sekalian sekalian**

3. Dalam merencana strategi untuk mentransformasi gerak kerja ANGKASA, Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) harus melihat kembali pelan strategik ANGKASA sebagai

model supaya selari dengan matlamat jangka panjangnya. Ini bagi memastikan objektif dan peranan yang akan kita bawa, tertumpu kepada kemampuan dan kelestarian gerakan koperasi sebagai gaya hidup rakyat di negara ini.

4. Saya difahamkan antara perkara yang dibincangkan pada hari ini adalah penetapan jawatankuasa, penetapan KPI, penyusunan program dan penyediaan bajet selaras dengan aspirasi transformasi ANGKASA.

5. Seperti yang kita semua sedia maklum, Transformasi Dan Penstrukturan ANGKASA ini penting bagi memastikan koperasi mendapat manfaat pencapaian keberhasilan yang berimpak tinggi menerusi pengurusan yang lebih efisien, proaktif dan berdaya saing selari dengan visi

dan visi ANGKASA untuk menjadi Pemangkin Kecemerlangan Sosioekonomi Gerakan Koperasi ke Arah Globalisasi.

6. Pelan Tindakan Transformasi yang turut membabitkan penstrukturan Pengurusan dan Bahagian ANGKASA,

Jawatankuasa ANGKASA, Pejabat Cawangan ANGKASA serta Pindaan Undang-UNdang Kecil ANGKASA ini juga diharap dapat meningkatkan kebolehdayaan dan daya saing jangka panjang ANGKASA, dalam memberikan manfaat bukan sahaja

kepada anggotanya malah kepada masyarakat.

7. Dalam usaha memastikan pelaksanaan transformasi ini berjaya, ANGKASA memerlukan kerjasama setiap JKAN untuk bekerja sebagai satu

kumpulan dan bukannya secara silo (sifat kebahagianan).

8. Penerimaan warga kerja ANGKASA juga adalah merupakan elemen utama untuk kejayaan transformasi ini di mana setiap JKAN perlu menekankan pentingnya aspek

pengurusan perubahan (change management) bagi memastikan setiap pekerja memahami dan menghayati tujuan dan manfaat transformasi ini.

9. Pada masa sama, saya hendak melihat KPI yang ditetapkan bukanlah semata – mata kepada jumlah output

yang dihasilkan oleh kakitangan, bahagian atau kumpulan. KPI ini perlu lebih menjurus kepada impak pembangunan ANGKASA seperti peningkatan pendapatan, penjimatan perbelanjaan, pertambahan ahli ANGKASA, pertambahan koperasi

yang menyertai projek inkubasi yang diuruskan ANGKASA dan sebagainya.

10. Oleh itu Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) perlu memastikan gerak kerja kakitangan selari dengan hala tuju ANGKASA supaya apa juga program yang dilaksanakan

mempunyai impak yang menyeluruh dan berkesan kepada organisasi dan juga kepada sektor koperasi.

**Hadirin hadirat yang saya hormati
sekalian sekalian**

11. Seperkara lagi yang sering saya tekankan, setiap Jawatankuasa ANGKASA Negeri harus meneroka peluang – peluang perniagaan melalui kerjasama yang dijalinkan bersama kerajaan negeri dan agensinya. Langkah ini perlu kerana kita mahu membantu koperasi di negeri untuk

dibangunkan perniagaannya agar dapat menyumbang lebih banyak kepada ekonomi negeri dan memberikan impak usaha dalam gerakan koperasi.

12. ANGKASA negeri juga seharusnya menjadi pemudahcara untuk

membantu koperasi mendapatkan kemudahan pembiayaan. Itu sebabnya saya mohon Jawatankuasa ANGKASA Negeri memperkukuhkan hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan ini.

**Hadirin hadirat yang saya hormati
sekalian sekalian**

13. Untuk menjayakan inisiatif Transformasi ANGKASA, saya ingin menekankan modal baru mengikut NLP, iaitu S.W.T.I.T yang merujuk kepada **Speed, Wold Class Knowledge,**

Inspirational, Flexible dan **Technology-based**.

14. Bagi memastikan ANGKASA terus maju ke hadapan, Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) akan terus menjadi institusi yang relevan dan menyumbang kepada peningkatan

dan pembangunan pendapatan ANGKASA. Kita memerlukan struktur organisasi Negeri yang mantap serta kakitangan yang terbaik berdasarkan prinsip S.W.T.I.T.

15. Sudah tiba masanya, Perhubungan ANGKASA Negeri di jenamakan semula

kepada Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) sebagai *Leading Agency* di negeri yang memacu dan mencorak pembangunan koperasi dengan lebih dinamik. Oleh itu, saya menyeru semua JKAN dan kakitangan negeri berganding bahu mencapai KPI yang di persetujui pada hari ini.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian sekalian

16. Apa juga kekangan dan permasalahan yang timbul harus kita lihat sebagai satu cabaran dalam usaha kita membangunkan sektor perniagaan koperasi sebagai badan

puncak gerakan koperasi di negara ini. Saya melihat program hari ini adalah salah satu cara untuk kita semua melihat kembali kepada usaha lalu yang boleh diperbaiki dan dipertingkatkan lagi agar ANGKASA kekal relevan memacu perumbuhan ekonomi gerakan koperasi.

17. Sesi program pada hari ini adalah satu usaha dan ikhtiar kita menyediakan dan merancang JKAN untuk melakukan Transformasi Prestasi dan menjana pendapatan baru kepada ANGKASA.

18. Sekali lagi tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat pada hari ini. Semoga kita semua akan terus kekal komited dan fokus dalam memajukan ANGKASA untuk kekal berdaya saing dalam landskap ekonomi negara.

Dengan lafaz mulia,
Bismillahhirrahmannirrahim, saya
dengan sukacitanya merasmikan
penutupan Taklimat Transformasi Dan
Penstrukturan ANGKASA Negeri
Sembilan.

Wabillahitaufik wal hidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.